

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: BERITA HARIAN (NASIONAL)

TARIKH: 17 DISEMBER 2019

MUKA SURAT: 40



**Mereka bukan suspek, tetapi dipercayai berada di sekitar kawasan berkenaan ketika kejadian.**

Huzir Mohamed,  
Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman

## Polis cari 9 saksi kes kematian Adib

**Shah Alam:** Polis sedang mengesan sembilan saksi bagi membantu kes kematian anggota bomba, Muhammad Adib Mohd Kassim.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, Datuk Huzir Mohamed, berkata individu berkenaan diminta tampil bagi membantu polis menyiasat kes itu.

"Mereka bukan suspek, tetapi dipercayai berada di sekitar kawasan berkenaan ketika kejadian berlaku," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Selangor, di sini, semalam.

Mahkamah Koroner sebelum ini memutuskan kematian Muhammad Adib selepas 21 hari bertarung nyawa susulan kecederaan akibat serangan di Kull Sri Maha Mariamman, Subang Jaya pada 27 November tahun lalu, berpunca daripada perbuatan jenayah individu yang bertindak ganas dan berniat jahat terhadap mangsa.

Susulan keputusan itu, Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Hamid Bador berkata, polis akan menyemak semula siasatan kes itu dan mengesan pihak bertanggungjawab terhadap kematian Muhammad Adib, termasuk empat lelaki yang ditahan sebelum ini.

Mengulas lanjut, Huzir berkata, pihaknya juga akan meminta pandangan daripada Majlis Perubatan Malaysia (MMC) berhubung kematian Muhammad Adib.

"Polis akan meminta pandangan mereka berhubung bedah siasat arwah Muhammad Adib.

"Selain itu, siasatan polis juga merangkumi pelbagai aspek termasuk pasukan forensik polis di lokasi kejadian," katanya.

Huzir berkata, sehingga kini polis sudah merakam 31 keterangan bagi kes terbabit termasuk saksi polis, pakar kimia dan anggota Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

